

## Pertembungan Budaya dalam Novel Melati Sarawak: Satu Analisis

DILAH TUAH\*

Faculty of Education, Language and Communication, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan,  
Sarawak, Malaysia

\*Corresponding authors: tdilah@unimas.my

### ABSTRAK

Melati Sarawak merupakan sebuah novel Melayu Sarawak kedua tertua, selepas Hikayat Panglima Nikosa yang terbit pada tahun 1876 di Kuching. Novel ini ditulis oleh Muhammad Rakawi Yusuf pada tahun 1932 yang memaparkan kehidupan masyarakat Melayu Sarawak pada awal abad ke-20 yang masih dijajah oleh keluarga Brooke. Tujuan penelitian ini adalah untuk menganalisis pertembungan budaya yang terdapat dalam novel Melati Sarawak khususnya antara budaya tempatan dengan budaya barat. Dapatkan kajian menunjukkan wujudnya pertembungan budaya dalam novel ini iaitu dari aspek permainan gendang Melayu, kepercayaan animisme, pengaruh bahasa Inggeris, pendidikan moden, dan gaya hidup masyarakat Melayu pada zaman tersebut. Pengarang menggunakan novel ini sebagai medium untuk menyuarakan kritikan terhadap budaya suka berhibur serta kelemahan masyarakat Melayu Sarawak dalam bidang pendidikan. Novel ini penting sebagai penanda aras kepada status dan kedudukan masyarakat Melayu Sarawak pada era pasca Malaysia.

Kata kunci: Melati Sarawak, novel, budaya, Melayu Sarawak, karya sastera

### Clash of Cultures in the Melati Sarawak Novel: An Analysis

### ABSTRACT

Melati Sarawak is the second oldest Sarawak Malay novel, following Hikayat Panglima Nikosa, published in 1876 in Kuching, written by Muhammad Rakawi Yusuf in 1932. It portrays the life of the Sarawak Malay society in the early 20th century under the colonial rule of the Brooke family. The purpose of this study is to analyze the clash of cultures depicted in the novel, especially the conflicts between local and Western cultures. The findings reveal the existence of a clash of cultures within the novel, including Malay drum performances, animistic beliefs, the influence of the English language, modern education, and the lifestyle of Malay society at the time. The author employs the novel as a medium to voice criticism of the lackadaisical attitude and the weaknesses of Malay society in Sarawak when pursuing education. This novel is significant as a benchmark for understanding the status and position of Sarawak Malay society in post-Malaysia.

Keywords: Melati Sarawak, novel, culture, Sarawak Malay, literary work

Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the CC-BY-NC-SA (Creative Commons Attribution-NonCommercial-ShareAlike 4.0 International License) which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work of the author(s) is properly cited.

### PENGENALAN

Karya sastera merupakan sebuah rakaman peristiwa atau cerminan realiti kehidupan yang dijelmakan semula oleh pengarang dalam bentuk naratif kreatif. Proses pengkaryaan bermula dari sebuah renungan yang tajam atau daripada kutipan pengalaman hidup yang panjang, sebelum ia dipaparkan dalam pelbagai dimensi dan sudut pandang yang berbeza. Selain itu, setiap pengarang mempunyai tujuan dan matlamat tersendiri dalam berkarya serta bertindak sebagai perakam zaman. Justeru tidak hairanlah karya sastera muncul sebagai medium ampuh dalam merakam keadaan sesuatu zaman atau masyarakat secara deskriptif dan analitikal. Melalui karya sastera, khalayak pembaca juga dapat melihat pertumbuhan sosial, politik, budaya dan sejarah sesebuah masyarakat secara meluas. Peranan karya sastera sebagai perakam zaman telah akui oleh John (1959) yang mengatakan bahawa pembaca dan pengkaji sastera akan dapat mengetahui pergolakan yang berlaku dalam masyarakat Indonesia berpandukan novel-novel tertentu. Antaranya, novel *Sitti Nurbaja* (1922) karya Marah Rusli, *Belenggu* karya Armijn Pane (1938) dan *Atheis* karya Achdiat Karta Mihardja (1949) yang memperlihatkan unsur-unsur pertembungan adat dan budaya dalam masyarakat Indonesia.